

ALLAHYARHAM DATO' SHEIKH AHMAD

Oleh:

Pelajar-Pelajar  
Sekolah Dato' Sheikh  
Ahmad, Seremban.

PENDAHULUAN

Y.B. Dato' Sheikh Ahmad seorang tokoh tempatan yang terkenal dalam bidang pentadbiran, ekonomi dan sosial bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat Kerajaan Persekutuan semasa hayatnya. Allahyarham merupakan hartawan dan dermawan yang disegani. Nama penuhnya ialah Dato' Kaya Setia Sheikh Ahmad bin Sheikh Mustaffa.

Beliau dilahirkan di Port Dickson pada tahun 1890. Allahyarham menerima pendidikan awal di Port Dickson dan kemudian melanjutkan pelajaran di Maktab Melayu, Kuala Kangsar. Selepas menamatkan pengajian pada tahun 1911 Allahyarham telah berkhidmat dalam Majlis Kebersihan di Ipoh, Taiping, Kuala Lumpur, Kajang dan Port Dickson selama 14 tahun.

Dato' Sheikh Ahmad merupakan ahli mesyuarat yang bukan rasmi bagi Majlis Mesyuarat Negeri, Majlis Jemaah Bandaran dan Majlis Mesyuarat Persekutuan. Di samping itu Allahyarham juga adalah ahli beberapa jemaah bagi pihak Kerajaan seperti Jawatankuasa Kewangan Negeri, Badan Kenderaan Persekutuan Tanah Melayu, Badan Perlesenan, Ahli Jemaah Hospital dan Kesihatan Negeri Sembilan. Pada tahun 1932, Allahyarham telah dilantik sebagai Jaksa Pendamai, Negeri Sembilan.

Pada 30 Ogos, 1965, Dato' Sheikh Ahmad merupakan salah seorang daripada 3 orang yang dilantik sebagai Jemaah Pemangku Yang Di Pertuan Besar oleh Tuanku Munawir Ibni Al Marhum Tuanku Abdul Rahman yang merupakan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan apabila baginda telah berangkat ke United Kingdom untuk bercuti selama 6 bulan. Dua orang lagi yang dilantik sebagai Jemaah Pemangku Yang Di Pertuan Besar ialah Tengku Laksamana, Tengku Sulung bin Tengku Sulaiman. Inilah kali pertama seorang Jemaah Pemangku Yang Di Pertuan Besar dilantik daripada rakyat kebanyakan.

Allahyarham adalah sangat aktif dalam kegiatan sosial khususnya dalam bidang sukan. Beliau juga telah dilantik sebagai Naib Presiden dalam beberapa bidang sukan contohnya sebagai Presiden bagi Pasukan Rugby, Badminton dan Kriket Negeri Sembilan.

Allahyarham merupakan salah seorang Pengasas Persidangan Kelab-Kelab Belia, Pengelola dan Yang Di Pertua Kelab Rotary, anggota Pelawat Hospital dan penjara dan

melibatkan diri dalam Persatuan Kehidupan Yang Lebih Baik Bagi Orang Melayu.

Dalam lapangan pelajaran pula, Allahyarham ialah orang yang pertama sekali mengesyorkan supaya Kerajaan membina kolej-kolej untuk penuntut-penuntut perempuan. Syor ini disuarakan dalam Majlis Mesyuarat Negeri pada tahun 1937. Walaupun syornya tidaklah dilaksanakan dengan serta merta, tetapi kolej itu akhirnya terbina juga pada 1962; dengan perbelanjaan sebanyak \$2.5 juta.

Sifat dermawannya terbukti apabila Allahyarham menghulurkan derma sebanyak \$1000 kepada Masjid Negara Kuala Lumpur dan \$1000 lagi kepada Tabung Pertahanan Negara semasa hayatnya.

Allahyarham telah menyuarakan usul dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan supaya Kerajaan mengambil lebih ramai kakitangan dari kalangan orang-orang Melayu yang berkeelayakan. Allahyarham telah menyuarakan dengan lantang mengenai ini contohnya ialah keadaan yang tidak sihat mengenai hal ini dalam Jabatan Keretapi. Pada tahun 1937, seramai 98 orang kerani telah diambil, hanya 38 orang sahaja terdiri daripada orang-orang Melayu.

Dato' Sheikh Ahmad juga telah memberi sumbangan terhadap bidang ekonomi terutamanya dalam perusahaan getah di mana beliau merupakan seorang ahli dalam Malayan Rubber Advisory Board. Pada tahun 1925 beliau telah menghadiri sidang penyiasatan getah di London, Brussels, Rome dan Amerika Syarikat. Beliau sendiri memiliki 100 ekar ladang getah.

Allahyarham juga telah memperjuangkan nasib pekebun-pekebun kecil getah dengan mendesak Kerajaan memberikan bantuan seperti benih baka baik di samping itu dengan suara lantang Allahyarham pernah menyatakan Kerajaan British telah melakukan eksploitasi ke atas ekonomi Tanah Melayu khasnya dalam perusahaan getah dan perlombongan bijih timah.

## PENUTUP

Allahyarham telah meninggal dunia pada tahun 1965 semasa berumur lebih kurang 74 tahun kerana sakit tua. Sebagai menghargai sumbangannya kepada negeri, Kerajaan Negeri Sembilan mengisytiharkan cuti separuh hari dan bendera dikibarkan separuh tiang.

Walaupun Allahyarham telah dikurniakan begitu banyak bintang penghargaan dari Kerajaan British dan Malaysia seperti gelaran Dato' Kaya Setia, Bintang P.P.T., J.P., M.G.H., C.B.E., dan C.M.G., namun khidmat baktinya yang sebenarnya tidak dapat dinilai.

Ketokohnya dalam bidang (ekonomi, politik dan sosial) diakui dan dikagumi umum. Misalnya semasa Majlis meraikan ulangtahun Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1930, Residen British Negeri Sembilan pada ketika itu Mr. A Caldecott telah memuji Allahyarham dalam ucapannya yang berbunyi "I know from personal experience..... that the is a man of energy and ability from whom the Malays of Negeri Sembilan may expect great things".